

**Notis Privasi (Bahasa Malaysia)**  
**(Untuk Pelanggan, Pembekal dan**  
**Rakan Perniagaan Bersekutu**

DHL komited untuk melindungi Data Peribadi anda.

Tujuan Notis Privasi ini adalah untuk mendapatkan perhatian anda terhadap tataamalan dan polisi-polisi DHL berkenaan dengan pengumpulan, pemprosesan penzahiran dan penyimpanan Data Peribadi anda.

“Data Peribadi” merujuk kepada maklumat mengenai individu yang boleh diidentifikasi, tetapi tidak termasuk jawatan, alamat perniagaan dan/atau nombor telefon seseorang individu yang merupakan seorang kakitangan sebuah organisasi.

Data Peribadi yang disimpan oleh DHL adalah bersumberkan maklumat yang diperolehi daripada urusan-urusan sebelum ini bersama DHL dan/atau mungkin diperolehi daripada anda pada masa hadapan melalui produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh DHL, penggunaan laman-laman web DHL, akses anda kepada premis/kemudahan DHL dan/atau sebaliknya yang mungkin dikumpul oleh kami.

Apabila anda memberi DHL Data Peribadi berkaitan dengan pihak ketiga, anda mengesahkan bahawa anda mempunyai hak untuk atau telah mendapatkan kebenaran terdahulu dari pihak ketiga tersebut sebelum memberikannya kepada DHL.

DHL mengumpul, memproses dan menyimpan Data Peribadi ini untuk fungsi-fungsi yang sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- ketika pengiriman-pengiriman melalui kapal, di dalam dan luar negara;
- bagi tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod (-rekod) anda;
- pengendalian dengan pembekal-pembekal dan rakan-rakan perniagaan bersekutu;
- pengiklanan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh DHL;
- menguruskan keselamatan premis dan kemudahan DHL;
- menjalankan kaji selidik kepuasan pelanggan; dan/atau
- bagi lain-lain tujuan seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, termasuk pemberitahuan mengenai perkara-perkara tersebut kepada badan berkuasa kastam dan regulatori.

Apabila Data Peribadi tersebut dinyatakan sebagai mandatori, DHL mungkin di dalam keadaan tertentu berhadapan dengan penangguhan atau tidak dapat memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dikontrakkan yang diperlukan oleh anda sekiranya anda gagal untuk memberi DHL Data Peribadi yang diperlukan.

DHL juga akan menzahirkan Data Peribadi ini kepada ahli lain di dalam kumpulan syarikat Deutsche Post DHL dan kepada rakan perniagaan bersekutu DHL, samada bertapak di Malaysia atau di luar negara, yang terlibat dengan memenuhi permintaan anda atau perkhidmatan dan/atau produk yang telah dikontrakkan.

DHL juga menyumber keluar (*outsource*) sebahagian daripada fungsi-fungsi dalamannya, samada bertapak di Malaysia atau di luar negara, seperti penginvoisan

dan pengiriman penyata-penyata akaun, perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan teknologi maklumat, kepada pihak-pihak ketiga yang pasti akan perlu mematuhi tataamalan dan polisi-polisi DHL yang berkaitan dengan pemprosesan dan penyimpanan Data Peribadi anda.

DHL ingin meyakinkan anda bahawa selain daripada situasi-situasi di atas dan bagi alasan-alasan lain yang sah, DHL tidak akan berkongsi, menjual, menyewa, berjualbeli dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak diberi kebenaran yang bercanggah dengan undang-undang yang terpakai kecuali dengan kebenaran anda yang diperolehi terdahulu.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 memberi anda hak-hak tertentu bagi mendapat akses dan/atau bagi memperbetulkan Data Peribadi yang disimpan oleh DHL. Hak ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa, walaubagaimanapun, sila dinasihatkan bahawa di dalam situasi terhad yang tertentu, hak anda mungkin dibataskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Data Peribadi anda, ia merupakan tanggungjawab anda untuk menasihati dan memberi kemas kini secara bertulis kepada DHL.

Borang Kemaskini Data Peribadi boleh didapati di pejabat DHL yang berkenaan ataupun anda boleh memuat turun Borang Kemaskini Data Peribadi di sini (jika ada) dan hantar borang yang telah lengkap diisi kepada pihak DHL yang berkenaan seperti dinyatakan di bawah.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Data Peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di mana-mana alamat yang dibekalkan di bawah:

Untuk DHL Express (Malaysia) Sdn Bhd (23332-X) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Level 27, Menara TM, Off Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur.
No. Telefon:	+603 2241 8001
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:pdpamyexpress@dhl.com">pdpamyexpress@dhl.com</a>

Untuk DHL Supply Chain (M) Sdn Bhd (7908-W) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Lot 4, Persiaran Perusahaan, Seksyen 23, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 5543 9200/+603 5543 9358 (Ext: 39358)
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:EDGMYDSCDPO@DHL.COM">EDGMYDSCDPO@DHL.COM</a>

Untuk DHL Global Forwarding (Malaysia) Sdn Bhd (247550-A) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Level 1, MCT Tower, One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 8020 2000
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:raja.rajagopal@dhl.com">raja.rajagopal@dhl.com</a>

Untuk DHL eCommerce (Malaysia) Sdn Bhd (13515-W) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, No. 3, Jalan PPU 1, Taman Perindustrian, Puchong Utama, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 8065 8188
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:EDGMY-PEP-DPO@dhl.com">EDGMY-PEP-DPO@dhl.com</a>

Untuk DHL Information Services (Asia-Pacific) Sdn Bhd (439340-V) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, 3509 & 3511, Jalan Teknokrat 5, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 8315 3940
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:DPO-ITS-MY@dhl.com">DPO-ITS-MY@dhl.com</a>

Untuk DHL Asia Pacific Shared Services Sdn Bhd (734769-X) dan syarikat-syarikatnya

Alamat Surat Menyurat:	Data Protection Officer, Level 12, Menara Axis, 2 Jalan 51A/223, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon:	+603 7952 3040
Alamat E-Mel:	<a href="mailto:dpa-fhs@dhl.com">dpa-fhs@dhl.com</a>

Notis Privasi ini mungkin diubah dari masa ke semasa. Notis bagi mana mana perubahan tersebut boleh didapati di laman web DHL ([www.dhl.com.my](http://www.dhl.com.my)) dan/atau melalui apa jua cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh DHL.

Sekiranya terdapat ketidakserasian di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggerisnya akan digunakan.